

13/06/2000

Howard tetap enggan mohon maaf

TIMBALAN Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong baru-baru ini mengulas mengenai laporan triumphalist dan berat sebelah media Australia mengenai negara-negara Asia.

Akibatnya, Australia tercemar di kaca mata bangsa Asia.

Beliau menyatakan hal ini dalam ucapannya pada majlis anjuran Kelab Wartawan Kebangsaan Australia di Canberra. Menurutnya, Singapura turut menjadi mangsa laporan songsang itu.

Beliau kemudian menambah: "Malaysia ada kalanya naik dan ada kala surut. Singapura ada kalanya naik dan ada kala surut... kami kesal kerana anda tidak menyampaikan perspektif yang benar kepada para pembaca anda."

Menurut beliau, media Australia kadangkala membuat laporan sensasi dan tidak objektif bila melaporkan hal-hal mengenai Asia pada keseluruhannya.

Seorang wartawan Australia mengambil kesempatan majlis itu untuk bertanya kenapa Malaysia kerap menghalang cubaan Australia untuk menyertai forum serantau Asia.

Lee menjawab bahawa ia sendiri mengingini pembabitan lebih luas oleh Australia di rantau ini. Lalu menambah: "Malaysia mempunyai pandangan lain. Dr Mahathir Mohamad khususnya mengambil sikap berbeza."

Wartawan Australia yang bertanya itu nampaknya cuba mengadu hal kepada seorang pemimpin negara jiran mengenai sesuatu pendirian Malaysia.

Betapa agaknya apabila seorang menteri Malaysia berkunjung ke Australia dan diminta mengulas mengenai peristiwa di Indonesia?

Dalam hal ini sebuah berita terbaru wartawan Australia di Jakarta menjadi contoh manakala melaporkan bahawa kemarakan reformasi yang menjatuhkan Presiden Suharto dua tahun lalu kini sudah pudar. Kerana ada pihak yang cuba mengaitkannya dengan gerakan reformasi di Malaysia.

Pendedahan Lee itu tidak mungkin mendorong media Australia melakukan reformasi diri sendiri apatah lagi meminta maaf atas kesalahan masa lampau.

Akhbar-akhbar Australia dua minggu lalu membuat laporan besar-besaran mengenai satu acara larian yang disertai lebih 100,000 orang di jambatan Sydney sebagai manifestasi setiakawan antara kaum kulit putih dan kaum asli (Aborigine).

Di samping itu ramai yang berharap bahawa Perdana Menteri John Howard akan meminta maaf secara terbuka kepada kaum Aborigine kerana pelbagai dosa yang dilakukan ke atas nenek-moyang mereka pada zaman lampau. Ini termasuk ribuan anak mereka diambil secara paksa untuk dipelihara oleh pihak gereja Kristian, badan kebajikan dan orang perseorangan. Mereka dianggap 'generasi yang dicuri'.

Walaupun pelbagai rayuan, pujukan dan desakan dibuat, namun Howard tetap tidak mahu menyampaikan ucapan mohon maaf.

Beliau juga enggan mengesahkan suatu dokumen Majlis Rekonsiliasi Aborigine yang sudah bertugas selama satu dekad.

Dokumen itu bukan sekadar kenyataan mohon maaf tetapi juga mencadangkan supaya diiktiraf hak asasi kaum Aborigine untuk menghayati tradisi mereka dan hak menentukan nasib diri sendiri. Anjuran itu mendapat sambutan daripada pelbagai pihak, tetapi tidak Perdana Menteri Howard.

Rencana pengarang akhbar Weekend Australian menjelaskan dilema yang dihadapi. Menurutnya hanya seorang Perdana Menteri lain kemudian kelak dapat menyuarakan kenyataan mohon maaf itu.

Bagi Howard, perkataan Sorry berupa pagar yang tidak boleh dilompati.

(END)